

Terpaksa bersaing dengan nelayan asing

SH 23/10/2019 pms 15

KUALA LUMPUR

- Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Langat, Selangor, Mohd Jaman Harif mendedahkan, kehadiran nelayan asing menyebabkan nelayan tempatan terpaksa bersaing dengan kumpulan tersebut.

Katanya, tindakan segelintir pemilik bot nelayan tempatan termasuk bot kelas A menggaji pekerja warga asing memberi kesan buruk apabila ada antara nelayan asing itu membeli bot sendiri dan menjadi tauke bot.

"Mula-mula warga asing ni kerja di bot kelas A. Bila dah pandai dan ada sikit modal, mereka beli bot sendiri dan tangkap ikan sendiri pula.

"Ia sekali gus mengganggu



MOHD JAMAN

nelayan tempatan yang punca pendapatannya utamanya memang bergantung pada hasil tangkapan ikan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Mohd Jaman berkata, banjiriran warga asing dalam sektor perikanan negara itu juga mengundang

masalah-masalah lain apabila nelayan tempatan yang mengusahakan sendiri bot mereka berdepan masalah kecurian jaring yang dipasang di laut.

Menurutnya, pihaknya mengesyaki kemungkinan nelayan asing menyalurkan maklumat kepada rakan mereka tentang lokasi bot nelayan tempatan memasang jaring sebelum warga asing menunggu waktu sesuai untuk mencuri jaring berkenaan.